

Bengkel dengan tema "Perkongsian Strategik Kerajaan-Swasta-Komuniti pada Pra, Semasa dan Selepas Bencana Banjir" ini menyaksikan pembentangan lima (5) kertas kerja utama dari Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Aon Benfield Malaysia Limited, Northern Corridor Implementation Authority, Universiti Utara Malaysia, Majlis Keselamatan Negara (UUM-NCIA-MKN) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Sebanyak 3 LAB banjir telah dibentuk bagi membincangkan isu-isu mengenai pengurusan pada pra, semasa dan selepas banjir serta Skim Insuran Mangsa Banjir.

Tiga (3) resolusi telah dicadangkan iaitu Skim Takaful Bencana Banjir, Data Bank Elektronik (e-data bank) bagi penyaluran bantuan kepada mangsa banjir serta mewujudkan satu sistem yang dapat mengkoordinasikan pengurusan bencana antara agensi-agensi yang bertanggungjawab menguruskan bencana banjir. Penyerahan Resolusi Bengkel akan dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia dalam masa terdekat.

Bengkel anjuran bersama UUM-NCIA-MKN³UniMAP ini dihadiri oleh lebih 120 orang ketua-ketua jabatan kerajaan, swasta, NGO dan komuniti melibatkan lebih 50 jabatan dan agensi dari negeri-negeri di Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

TAMAT

***Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary).***

=====

DARIPADA:
NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)
ARAS 2, BANGUNAN EKONOMI
KOLEJ SASTERA DAN SAINS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3653
FAKS: 04-928 3647
E-MEL: ncrc@uum.edu.my
WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my